

13/03/2002

Projek landskap Samsung diiktiraf

USAHA Kumpulan Samsung Elektronik Seremban mewujudkan landskap yang indah sekitar kilangnya di Kawasan Perindustrian Tuanku Ja'afar, mendapat pengiktirafan apabila ia dipilih memenangi Anugerah Landskap Kebangsaan bagi kategori industri.

Anugerah dalam bentuk sijil dan wang tunai bernilai RM4,500 itu disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Presiden Kumpulan Samsung Elektronik Malaysia, Kim Jong Ki, pada satu majlis di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Kim dalam kenyataannya, bagi menyatakan perasaan gembira syarikat kerana memenangi anugerah itu berkata, Samsung sentiasa memberi penekanan terhadap program landskap.

Sehubungan itu, program berkenaan turut dimasukkan dalam pelan pembangunan ketika bangunan kilangnya dibina pada 1990.

"Samsung membelanjakan kira-kira RM1 juta bagi landskap pada peringkat permulaan, sementara RM350,000 lagi dibelanjakan bagi kerja penyelenggaraan taman, kolam ikan dan kawasan landskap," katanya.

Kim berkata, selain kawasan luaran, aspek dalaman bangunan turut diberikan perhatian dengan tempat rehat dalam bangunan mempunyai 'sudut hijau' bagi menyediakan ruang pekerja menghabiskan masa rehat dalam suasana tenang dan damai.

Anugerah Landskap Kebangsaan anjuran Jabatan Landskap Negara diilhamkan Perdana Menteri bagi menggalakkan masyarakat mengindahkan persekitaran tempat tinggal dan kerja dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara taman menjelang tahun 2005.

Kumpulan Samsung Elektronik Seremban beroperasi melalui tiga syarikatnya, iaitu Samsung SDI (M) Bhd, Samsung Corning (M) Sdn Bhd dan Samsung Electronics Display (M) Sdn Bhd.

(END)